

THAHARAH (BERSUCI)

Erti thaharah ialah bersuci. Yang dimaksudkan dengan bersuci pada syarak ialah berwuduk, mandi hadas, atau gantinya iaitu tayammum atau menghilangkan najis.

Tiap-tiap seseorang Islam yang hendak mengerjakan amal ibadah, wajiblah ia mengetahui terlebih dahulu akan segala sah batalnya dan yang berhubung dengannya.

BERSUCI TERBAHAGI DUA

1. Suci daripada dua hadas.
2. Suci daripada najis.

BENDA-BENDA YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK BERSUCI

1. Air
2. Tanah
3. Batu atau seumpama batu seperti benda-benda yang kesat

HADAS TERBAHAGI DUA

1. Hadas besar yang mewajibkan mandi.
2. Hadas kecil yang mewajibkan wuduk.

Erti hadas pada logbah ialah barang yang mendatang atau pun barang yang berlaku.

Erti hadas dari segi syarak pula ialah barang yang menegah sahnya sembahyang.

FASAL HADAS BESAR

HADAS BESAR IALAH SEPERTI:

1. Jimak
2. Keluar Mani
3. Haidh
4. Nifas
5. Wiladah
6. Mati yang bukan syahid (bukan mati syahid)

HADAS-HADAS YANG MEWAJIBKAN MANDI

1. JIMAK - Bertemu dua *khitan*
2. KELUAR MANI - Bermimpi atau perasaan berahi sudah sampai kepuncak setelah membaca atau melihat sesuatu yang berunsur seks kemudian keluar air mani.
3. HAIDH - Darah yang keluar daripada faraj wanita dalam keadaan yang sehat dan sekurang-kurangnya berumur 9 (sembilan) tahun hijrah. Sekurang-kurang masa haidh ialah sehari semalam, ghalibnya (biasanya) enam atau tujuh hari dengan malamnya, sebanyak-banyaknya 15 (lima belas) hari dengan malamnya. Tidak ada had bagi sebanyak-banyak masa suci.
4. NIFAS - Darah yang keluar selepas melahirkan anak. Sekurang-kurang nifas satu lahzah (sepeludah). Ghalibnya 40 (empat puluh) hari 40 (empat puluh) malam, sebanyak-banyaknya 60 (enam puluh) had serta malamnya.
5. WILADAH - Melahirkan anak, samada basah atau pun kering.

Bagi orang yang *istihadha*, *salsalbaul* (selalu keluar kencing) dan bawasir yang berdarah selalu, sentiasa keluar putih-putih, maka wajiblah baginya apabila hendak sembahyang:

1. Beristinjak terlebih dahulu.
2. Menutup kemaluannya sekira-kira najis tidak keluar lebih dari batasannya. (Bercawat).
3. Berwuduk dengan segera serta wajib berturut-turut.
4. *Muwalat* (Berturut-turut)
5. Segala-galanya dilakukan sesudah masuk waktu sembahyang bagi sembahyang fardhu.
6. Melakukan demikian itu bagi tiap-tiap fardhu.

FASAL MANDI

Erti mandi pada loghah ialah mengalirkan air pada seluruh anggota badan.

Erti mandi pada syarak ialah mengalirkan air pada seluruh anggota badan dengan niat yang tertentu.

SYARAT-SYARAT MANDI 6 PERKARA

1. Islam
2. Mumaiyiz
3. Jangan ada pada anggota sesuatu yang menegah air sampai kekulit.
4. Jangan ada pada anggota sesuatu yang mengubah warna air.
5. Tahu fardhu-fardhunya.
6. Jangan di'iktikadkan salah satu daripada fardhu-fardhunya itu sunat.

FARDHU MANDI 4 PERKARA

1. Berniat didalam hati.
2. Menghilangkan najis daripada seluruh badan
3. Menghilangkan apa jua yang menghalang air sampai kekulit.
4. Meratakan air keseluruh badan.

LAFAZ NIAT MANDI JUNUB

نَوَيْتُ رَفْعَ الْحَدَثِ الْأَكْبَرِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku mengangkat hadas besar kerana Allah Ta'ala.
atau

نَوَيْتُ رَفْعَ الْجُنَاحَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku mengangkat hadas junub kerana Allah Ta'ala.

LAFAZ NIAT MANDI HAIDH

نَوَيْتُ رَفْعَ حَدَثِ الْخِيْضِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya: Sahaja aku mengangkat hadas haidh kerana Allah Ta'ala.